

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.4 (94)

8 Julai 2026
22 Muharram 1448

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 31/2026

PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM) CERAIAN UP.5.1.4: PEMBERIAN HADIAH PENGIKTIRAFAN AKADEMIK (HPA) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 143 pada 12 Jun 2026 telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.5.1.4: Pemberian Hadiah Pengiktirafan Akademik (HPA) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

2. Hadiah Pengiktirafan Akademik (HPA) merupakan insentif yang diberikan **sekali sepanjang tempoh perkhidmatan** kepada staf yang **berjaya memperoleh kelayakan akademik yang lebih tinggi** melalui **pembiayaan sendiri** sebagai pengiktirafan terhadap usaha meningkatkan tahap akademik, pengetahuan dan kompetensi diri. Pemberian HPA adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam MyPPSM Ceraian UP.5.1.4. Kadar insentif HPA mengikut tahap kelayakan akademik adalah seperti berikut:

Bil .	Tahap Kelayakan Akademik	Kadar (RM)
1.	Ijazah Kedoktoran	1,250.00
2.	Ijazah Sarjana	1,000.00
3.	Ijazah Sarjana Muda	750.00
4.	Diploma dan Setaraf	500.00

3. Staf yang memenuhi syarat kelayakan boleh mengemukakan permohonan HPA dalam tempoh yang ditetapkan mengikut tatacara serta prosedur yang dinyatakan dalam **Garis Panduan Pelaksanaan HPA** seperti di Lampiran.

4. Sehubungan dengan itu, seluruh staf Universiti adalah dimohon untuk mengambil maklum mengenai pemakaian pekeliling ini serta mematuhi syarat dan tatacara pelaksanaan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PEMBERIAN HADIAH PENGIKTIRAFAN AKADEMIK (HPA)
DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, dalam Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-20 (MAPPA XX) telah mengumumkan inisiatif pemberian Hadiah Pengiktirafan Akademik (HPA) kepada pegawai awam yang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi atas pembiayaan sendiri. Inisiatif ini bertujuan menggalakkan penjawat awam untuk terus meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi selaras dengan keperluan perkhidmatan awam yang semakin kompleks dan dinamik.
- 1.2 Susulan itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah memperincikan pelaksanaan inisiatif ini melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.5.1.4 bagi memastikan pelaksanaan Hadiah Pengiktirafan Akademik (HPA) dilaksanakan secara seragam, telus dan berstruktur.
- 1.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 143 yang bersidang pada 12 Jun 2026 telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.5.1.4: Pemberian Hadiah Pengiktirafan Akademik (HPA) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Mewujudkan pelaksanaan yang seragam dan berstruktur dalam pengurusan pengiktirafan akademik staf universiti melalui garis panduan dan kaedah pelaksanaan yang jelas serta telus.
- 2.2 Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan staf UTM melalui pengiktirafan rasmi terhadap pencapaian akademik.

3.0 PRINSIP, SYARAT DAN KADAR INSENTIF PEMBERIAN HADIAH PENGIKTIRAFAN AKADEMIK (HPA)

3.1 Prinsip pelaksanaan Hadiah Pengiktirafan Akademik (HPA) adalah seperti berikut:

- a) hanya **sekali** sepanjang tempoh perkhidmatan;
- b) **pengajian atas pembiayaan sendiri**; dan
- c) **terhad** kepada yang memenuhi syarat HPA sahaja.

3.2 Pegawai yang layak dipertimbangkan pemberian HPA adalah seperti yang berikut:

- a) pegawai **lantikan tetap yang telah disahkan** dalam perkhidmatan;
- b) pegawai yang berada dalam Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA); dan
- c) pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana.

3.3 Pegawai yang layak dipertimbangkan pemberian HPA adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- a) memperoleh **kelayakan akademik yang lebih tinggi** berbanding kelayakan akademik pegawai ketika dilantik secara tetap ke skim perkhidmatan semasa;
- b) **memulakan dan menamatkan** pengajian bagi kelayakan akademik yang lebih tinggi **semasa dalam lantikan tetap**;
- c) kelayakan akademik yang lebih tinggi itu hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan;
- d) yuran pengajian atas **pembiayaan sendiri** oleh pegawai;
- e) **markah prestasi bagi tahun penilaian** hendaklah sekurang-kurangnya **85%**;
- f) lulus tapisan tatatertib bagi tahun penilaian;
- g) bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar;
- h) hanya sekali sepanjang tempoh perkhidmatan;
- i) tidak pernah diluluskan Hadiah Pergerakan Gaji (HPG); dan
- j) diperaku oleh Ketua Jabatan.

- 3.4 Kadar insentif HPA adalah mengikut tahap kelayakan akademik seperti jadual di bawah.

Bil.	Tahap Kelayakan Akademik	Kadar (RM)
1.	Ijazah Kedoktoran	1,250.00
2.	Ijazah Sarjana	1,000.00
3.	Ijazah Sarjana Muda	750.00
4.	Diploma dan Setaraf	500.00

4.0 KAEDAH PELAKSANAAN HPA

4.1 Permohonan

- 4.1.1 Staf yang memenuhi syarat-syarat kelayakan HPA sebagaimana perkara 3.3, hendaklah mengemukakan permohonan melalui Sistem UTMHRV2. Staf hendaklah memastikan maklumat dan dokumen sokongan yang dikemukakan adalah lengkap, tepat dan benar. Sekiranya terdapat pemalsuan dokumen atau maklumat, staf boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- 4.1.2 Sekiranya staf tidak memenuhi mana-mana syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan, permohonan boleh dikemukakan pada tahun berikutnya setelah semua syarat dipenuhi, tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa.
- 4.1.3 Carta Alir Proses Kerja Pelaksanaan HPA adalah seperti di Lampiran 1. Simulasi kelayakan permohonan pemberian HPA adalah seperti di Lampiran 2, manakala Soalan Lazim berkaitan HPA adalah seperti di Lampiran 3.

4.2 Tempoh Permohonan HPA tahun 2026

- 4.2.1 Jadual kerja permohonan HPA adalah seperti berikut:

Bil	Suku Tahunan	Tindakan
1.	28 Julai 2026	1. Taklimat Pelaksanaan dan Permohonan HPA kepada staf UTM

Bil	Suku Tahunan	Tindakan
2.	1 Ogos 2026 hingga 15 Ogos 2026	2. Staf mengemaskini Maklumat Pendidikan Tertinggi staf di Sistem UTMHRV2. 3. Staf mengemukakan permohonan HPA melalui Sistem UTMHRV2.
3.	15 Ogos 2026 hingga 31 Ogos 2026	1. PSM membuat semakan permohonan dan membuat semakan Tapisan Tatatertib 2. PSM membawa permohonan staf ke Mesyuarat JKPBPP Jabatan/Fakulti untuk perakuan Ketua Jabatan
4.	1 September 2026 hingga 15 September 2026	1. BSM membuat semakan permohonan HPA dari Jabatan/Fakulti 2. Senarai permohonan HPA dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat JKPBPP Universiti
5.	16 September 2026 hingga 30 September 2026	1. Pemakluman keputusan HPA kepada staf yang memohon
6.	Oktober 2026	1. Pembayaran HPA kepada staf yang diluluskan permohonan 2. PSM merekod kelulusan HPA dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)

5.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

5.1 Tanggungjawab PSM dan Ketua Jabatan PTJ

5.1.1 PSM dan Ketua Jabatan PTJ hendaklah:

- a) menerima dan membuat semakan terhadap permohonan dan dokumen sokongan;
- b) memastikan hanya staf yang layak sahaja diperakukan kepada JKPBPP;
- c) memaklumkan keputusan permohonan kepada staf; dan
- d) memastikan butiran kelulusan HPA dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK).

5.2 Urus setia Bahagian Sumber Manusia (BSM) dan Jawatankuasa Pembangunan Bakat dan Pelan Penggantian (JKPBPP) Universiti bertanggungjawab untuk:

5.2.1 mempertimbang dan meluluskan HPA berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan; dan

5.2.2 memaklumkan keputusan kepada Ketua Jabatan

6.0 PENUTUP


6.1 Garis panduan ini hendaklah dijadikan rujukan dalam pelaksanaan Hadiah Pengiktirafan Akademik (HPA) di Universiti Teknologi Malaysia.

6.2 Pelaksanaan HPA bagi tahun 2027 dan tahun-tahun berikutnya adalah tertakluk kepada surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) yang berkuat kuasa serta keputusan Universiti untuk menerima pakai pelaksanaannya.

BSM, Jabatan Pendaftar

Jun 2026

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN HADIAH PENGIKTIRAFAN AKADEMIK (HPA)




SIMULASI KELAYAKAN PERMOHONAN PEMBERIAN HADIAH PENGIKTIRAFAN AKADEMIK (HPA) DALAM TEMPOH PERKHIDMATAN

A. PEGAWAI MELANJUTKAN PENGAJIAN KE PERINGKAT LEBIH TINGGI SEMASA DALAM TEMPOH PERKHIDMATAN

Kelayakan Akademik Bagi Gred Lantikan: **SPM**


Tarikh Lantikan Tetap	02.03.2017
Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)	02.03.2019
Tempoh Pengajian Diploma	01.09.2021 - 31.08.2024
Tarikh Permohonan	01.01.2026
Layak dibayar HPA pada tahun permohonan tertakluk kepada syarat syarat lain yang ditetapkan.	



B. PEGAWAI MELANJUTKAN PENGAJIAN KE PERINGKAT LEBIH TINGGI SEBELUM DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN

Kelayakan Akademik Bagi Gred Lantikan: **DIPLOMA**


Tarikh Lantikan Tetap	02.03.2017
Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)	19.12.2019
Tempoh Pengajian Ijazah Sarjana Muda	01.09.2019 - 31.08.2022
Tarikh Permohonan	01.01.2026
Layak dibayar HPA pada tahun permohonan tertakluk kepada syarat syarat lain yang ditetapkan kerana telah disahkan dalam perkhidmatan semasa tarikh permohonan.	



**C. PEGAWAI MELANJUTKAN PENGAJIAN KE PERINGKAT LEBIH TINGGI SEBELUM
TARIKH LANTIKAN DAN TAMAT PENGAJIAN SEMASA DALAM PERKHIDMATAN**

Kelayakan Akademik Bagi Gred Lantikan: IJAZAH SARJANA MUDA


Tarikh Lantikan Tetap	02.03.2017
Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)	02.07.2019
Tempoh Pengajian Peringkat Sarjana	01.09.2016 - 31.08.2020
Tarikh Permohonan	01.01.2026
Tidak Layak dibayar HPA pada tahun permohonan kerana keseluruhan tempoh pengajian ke peringkat yang lebih tinggi bukan berada dalam tempoh perkhidmatan pegawai.	



**D. PEGAWAI MELANJUTKAN PENGAJIAN KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI BAGI
DUA (2) PERINGKAT PENGAJIAN**

Kelayakan Akademik Bagi Gred Lantikan: IJAZAH SARJANA MUDA

Tarikh Lantikan Tetap	02.03.2017
Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)	02.03.2020
Tempoh Pengajian Peringkat Sarjana	01.09.2018 - 31.08.2021
Tempoh Pengajian Peringkat Kedoktoran	01.09.2023 - 31.08.2025
Tarikh Permohonan	01.01.2026
Layak dibayar HPA pada tahun permohonan tertakluk kepada syarat-syarat lain yang telah ditetapkan tetapi hanya dibenarkan memilih salah SATU peringkat sahaja bagi pembayaran HPA.	



E. PEGAWAI DILANTIK DALAM PERKHIDMATAN MINIMUM DUA (2) KALI SEPANJANG PERKHIDMATAN

i. PEGAWAI MEMOHON DALAM PERKHIDMATAN TERDAHULU

Kelayakan Akademik Bagi Gred Lantikan: **SPM**

Tarikh Lantikan Tetap (Skim Perkhidmatan Terdahulu)	07.09.2016
Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)	14.11.2018
Tempoh Pengajian Diploma	01.03.2021 - 28.02.2024
Tarikh Permohonan (HPA Diploma Diluluskan)	01.01.2026
Tarikh Peletakan / Pelepasan Jawatan	03.03.2027
Tarikh Lantikan Tetap (Skim Perkhidmatan Terkini)	03.04.2027
Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)	03.12.2029
Tempoh Pengajian Ijazah Sarjana Muda	01.09.2031 - 31.08.2034
Tarikh Permohonan (HPA Ijazah Sarjana Muda)	10.11.2035
Tidak Layak dibayar HPA bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda kerana pegawai telah diberikan HPA dalam perkhidmatan terdahulu (Diploma).	

ii. PEGAWAI LANTIKAN KONTRAK SEBELUM DILANTIK TETAP

Kelayakan Akademik Bagi Gred Lantikan: **DIPLOMA**

Tarikh Lantikan Kontrak	07.09.2016
Tempoh Pengajian Ijazah Sarjana Muda	01.09.2018 - 31.08.2022
Tarikh lantikan tetap	05.04.2023
Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)	04.04.2025
Tarikh Permohonan (HPA Ijazah Sarjana Muda)	01.01.2026
Tidak Layak dibayar HPA bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda memandangkan tempoh pengajian tersebut dalam tempoh lantikan kontrak(tempoh lantikan kontrak tidak diambil kira dalam tempoh perkhidmatan pegawai).	



iii. **PEGAWAI MELANJUTKAN PENGAJIAN DALAM TEMPOH ANTARA DUA (2) PELANTIKAN DALAM PERKHIDMATAN**

Kelayakan Akademik Bagi Gred Lantikan: IJAZAH SARJANA MUDA

Tarikh Lantikan Tetap (Skim Perkhidmatan Terdahulu)	07.09.2013
Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)	07.09.2016
Tarikh Peletakan / Pelepasan Jawatan	03.03.2020
Tempoh Pengajian Sarjana	01.09.2018 - 31.08.2022
Tarikh Lantikan Tetap (Skim Perkhidmatan Terkini)	03.04.2024
Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)	03.04.2026
Tarikh Permohonan (HPA Sarjana)	11.11.2026
Tidak Layak dibayar HPA bagi peringkat Sarjana kerana sebahagian tempoh pengajian (dari mula sehingga tamat pengajian) berada di luar tempoh perkhidmatan pegawai.	




F. KES HUKUMAN TATATERTIB

i. PEGAWAI MENGEMUKAKAN PERMOHONAN BAGI PEMBERIAN HPA PADA TAHUN 2026

Kelayakan Akademik Bagi Gred Lantikan: **DIPLOMA**


Tarikh Lantikan Tetap	07.09.2016
Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)	07.09.2019
Tempoh Pengajian Ijazah Sarjana Muda	01.03.2021 - 28.02.2024
Tarikh Tindakan Tatatertib	09.09.2025
Tarikh Permohonan	01.01.2026
Tidak Layak dibayar HPA tahun 2026 memandangkan pegawai dikenakan tindakan tatatertib pada tahun 2025 yang merupakan tahun penilaian. Namun, pegawai boleh memohon semula pada tahun berikutnya tertakluk memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.	



ii. PEGAWAI MENGEMUKAKAN PERMOHONAN BAGI PEMBERIAN HPA TAHUN 2027 ATAU TAHUN-TAHUN SETERUSNYA

Kelayakan Akademik Bagi Gred Lantikan: **IJAZAH SARJANA MUDA**


Tarikh Lantikan Tetap	07.09.2016
Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)	06.05.2019
Tempoh Pengajian Sarjana	01.03.2021 - 28.02.2024
Tarikh Permohonan	11.11.2026
Tarikh Tindakan Tatatertib	12.12.2026
Tidak Layak dibayar HPA tahun 2027 memandangkan pegawai dikenakan tindakan tatatertib pada tahun 2026 yang merupakan tahun penilaian. Walau bagaimanapun, pegawai boleh memohon semula pada tahun berikutnya tertakluk memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.	



G. PEGAWAI MENGEMUKAKAN PERMOHONAN HPA SELEPAS DILANTIK KE JAWATAN LEBIH TINGGI

Kelayakan Akademik Bagi Gred Lantikan (Skim Terdahulu): **SPM**


Tarikh Lantikan Tetap (Kelayakan SPM)	01.07.1992
Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)	01.07.1995
Tempoh Pengajian Diploma	01.03.2015 - 28.02.2018
Tarikh Peletakan / Pelepasan Jawatan	10.04.2021
Tarikh Lantikan Tetap (Kelayakan Diploma)	11.05.2021
Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)	01.07.2023
Tarikh Permohonan (HPA Diploma)	01.01.2026
Tidak Layak dibayar HPA kerana pegawai telah dilantik ke skim perkhidmatan PPT menggunakan kelayakan akademik Diploma tersebut.	



H. PEGAWAI DILANTIK KE JAWATAN TERKINI MENGGUNAKAN TAHAP KELAYAKAN AKADEMIK YANG LEBIH TINGGI

Kelayakan Akademik Bagi Gred Lantikan: **Kelayakan Masuk Pelbagai**

Tempoh Pengajian Peringkat Sarjana	01.09.2008 - 31.08.2012
Tarikh lantikan tetap (*Mendapat gaji permulaan lebih tinggi menggunakan kelayakan akademik peringkat Sarjana)	01.06.2013
Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)	01.07.2015
Tempoh Pengajian Sarjana (kali kedua)	01.03.2020 - 28.02.2024
Tarikh Permohonan (HPA Sarjana)	01.01.2026
Tidak Layak dibayar HPA kerana pegawai telah menggunakan kelayakan peringkat Sarjana bagi mendapat gaji permulaan yang lebih tinggi.	



SOALAN LAZIM
HADIAH PENGIKTIRAFAN AKADEMIK (HPA)

Bil	Soalan	Jawapan
1	Adakah HPA diberikan secara automatik kepada pegawai yang berkeelayakan?	Tidak. Pegawai yang memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan.
2	Apakah yang dimaksudkan dengan memulakan dan menamatkan pengajian semasa dalam perkhidmatan?	Keseluruhan tempoh pengajian diselesaikan dalam tempoh perkhidmatan pegawai bermula daripada tarikh lantikan secara tetap.
3	Apakah yang dimaksudkan dengan kelayakan akademik yang diiktiraf oleh Kerajaan?	Kelayakan akademik yang mendapat pengiktirafan daripada Sistem MQR di bawah <i>Malaysian Qualifications Agency</i> (MQA), Sistem eSISRAF dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Kelayakan akademik ini termasuk pengajian yang diikuti di luar negara.
4	Adakah pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib pada 01.04.2025, layak memohon HPA pada tahun 2026?	Pegawai tidak layak memohon HPA. Namun, pegawai boleh memohon semula pada tahun berikutnya tertakluk memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.
5	Adakah permohonan yang tidak diperaku oleh Ketua Jabatan perlu dibawa untuk pertimbangan JKPBPP?	Ya. Semua permohonan yang dikemukakan pegawai hendaklah diberi pertimbangan oleh JKPBPP meskipun permohonan tersebut tidak diperaku oleh Ketua Jabatan.
6	Adakah HPA menetapkan/ menghadkan satu tempoh masa pemilikan kelayakan akademik bagi membolehkan permohonan dikemukakan?	Tiada penetapan had tempoh masa.

Bil	Soalan	Jawapan
7	Pegawai kehilangan skrol akademik asal daripada universiti, adakah dokumen pembuktian lain boleh digunakan untuk tujuan tuntutan dan pembayaran HPA?	Pegawai boleh menggunakan dokumen pembuktian lain seperti surat perakuan senat universiti untuk tujuan tuntutan dan pembayaran HPA.
8	Pegawai dilantik sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dengan kelayakan masuk SPM pada 01.07.1992. Pada tahun 1999 pegawai telah dianugerahkan Diploma dalam bidang Sains Komputer dengan pembiayaan sendiri dan telah dilantik sebagai Penolong Pegawai Tadbir (PPT) pada tahun 2002 menggunakan kelayakan diploma berkenaan. Adakah pegawai layak menerima HPA?	Tidak layak. Pegawai telah di lantik ke skim perkhidmatan PPT menggunakan kelayakan akademik Diploma tersebut.
9	Pegawai telah menerima HPA bagi kelayakan akademik Ijazah Sarjana dan kini sedang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran. Adakah saya layak menerima HPA bagi Ijazah Kedoktoran kelak?	Tidak layak. HPA hanya diberikan sekali sepanjang perkhidmatan.
10	Pegawai memulakan dan menamatkan pengajian Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran semasa dalam perkhidmatan. Adakah pegawai layak memohon HPA?	Layak. Pegawai boleh memohon HPA bagi kelayakan akademik tertinggi iaitu Ijazah Kedoktoran dengan kadar RM1,250.00 sekiranya kelayakan akademik tersebut lebih tinggi daripada syarat skim perkhidmatan semasa pegawai.
11	Adakah pegawai yang mengikuti pengajian dengan kelulusan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB), Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) dan Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) layak menerima HPA?	Layak tertakluk pegawai telah memenuhi syarat yang ditetapkan.
12	Adakah pegawai yang mengikuti pengajian dengan kelulusan Cuti Belajar Bergaji Penuh Separa Biasiswa (pembiayaan yuran pengajian, elaun buku dan elaun perkakas) layak menerima HPA?	Tidak layak. Pegawai tidak memenuhi syarat HPA kerana telah menerima pembiayaan yuran pengajian.

Bil	Soalan	Jawapan
13	Adakah pegawai yang menerima pembiayaan/ sumbangan/ saguhati/ dermasiswa daripada Yayasan/ Pusat Zakat/ mana-mana pihak layak memohon HPA?	Ya. Pegawai layak sekiranya pembiayaan adalah tidak termasuk yuran pengajian.
14	Pegawai memulakan pengajian semasa kontrak (Contract of Services) dan menamatkan pengajian selepas dilantik tetap. Adakah pegawai layak menerima HPA?	Tidak layak. Pegawai tidak memenuhi syarat memulakan dan menamatkan pengajian semasa dalam perkhidmatan tetap.
15	Adakah kelayakan berikut diklasifikasikan sebagai setaraf dengan diploma dan layak menerima HPA? i. Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Matrikulasi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia; atau ii. Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM)	Tidak layak. Kelayakan STPM dan Sijil Matrikulasi adalah tidak setaraf dengan diploma. Layak. DKM 4 dan DLKM 5 adalah setaraf dengan diploma.
16	Adakah pegawai yang memiliki Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI) layak menerima HPA?	Tidak layak. Pegawai yang memiliki apa-apa Diploma Ikhtisas sebagai syarat skim perkhidmatan semasa pegawai adalah tidak layak menerima HPA.
17	Adakah pegawai yang menerima Pinjaman Boleh Ubah (PBU) untuk pengajian layak menerima HPA?	Tidak layak sekiranya PBU tersebut ditukar kepada biasiswa atau terdapat potongan/ pengurangan pembayaran balik jumlah pinjaman. Sekiranya status PBU tersebut kekal, maka pegawai layak menerima HPA.
18	Pegawai daripada skim perkhidmatan bersepadu di gred U7 telah dinaikkan pangkat ke gred U9 menggunakan kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang diperoleh semasa dalam perkhidmatan. Adakah pegawai layak menerima HPA?	Tidak layak. Pegawai telah menggunakan kelayakan Ijazah Sarjana Muda untuk tujuan kenaikan pangkat ke gred U9.

Bil	Soalan	Jawapan
19	Saya berkhidmat di gred 9 sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan telah menerima insentif HPA pada waktu itu. Kemudian saya telah melepaskan jawatan dan dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred 9, adakah saya masih boleh memohon HPA bagi kelayakan akademik Ijazah Sarjana tersebut?	Tidak Layak. HPA diberikan hanya sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan meliputi perkhidmatan di bawah semua Pihak Berkuasa Melantik (PBM). Sepanjang tempoh perkhidmatan bermaksud tempoh perkhidmatan pegawai yang diambil kira bagi tujuan pengiraan pensen.
20	Apakah yang dimaksudkan oleh Peminjam Tegar?	Pegawai yang tidak pernah membayar balik pinjaman pengajian.
21	Pegawai telah memiliki Ijazah Sarjana Muda namun menggunakan SPM sebagai kelayakan masuk ke dalam perkhidmatan awam. Semasa dalam perkhidmatan, pegawai sekali lagi melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda. Adakah pegawai layak menikmati HPA?	Layak tertakluk memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.
22	Pegawai di gred 9 telah memiliki Ijazah Sarjana pertama dengan penajaan Kerajaan di bawah Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Kemudian pegawai memula dan menamatkan pengajian Ijazah Sarjana untuk kali kedua dengan pembiayaan sendiri. Adakah pegawai layak menerima HPA?	Layak tertakluk memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.
23	Pegawai telah dilantik di Gred 9 melalui Kelayakan Masuk Pelbagai (KMP) iaitu menggunakan kelayakan Ijazah Sarjana. Kemudian, pegawai telah memula dan menamatkan pengajian Ijazah Sarjana untuk kali kedua semasa dalam perkhidmatan. Adakah pegawai layak HPA?	Tidak Layak. Pegawai tidak memenuhi syarat HPA iaitu memperoleh kelayakan akademik yang lebih tinggi berbanding syarat kelayakan akademik skim perkhidmatan semasa pegawai.

Bil	Soalan	Jawapan
24	Bagaimanakah penentuan kadar insentif HPA untuk pegawai yang melanjutkan pengajian pada kelayakan akademik yang didapati lebih rendah daripada taraf sebenar? Contohnya Ijazah Sarjana dinilai taraf setaraf Ijazah Sarjana Muda.	Ketua Jabatan hendaklah memastikan peringkat kelayakan akademik adalah setaraf dengan peringkat di Jadual 1, Ceraian ini sebelum diperakukan kepada PPSM melalui semakan dengan Sistem MQR, Sistem eSISRAF dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Selain itu, Ketua Jabatan hendaklah memastikan nilai taraf kelayakan akademik yang disemak lebih tinggi berbanding syarat kelayakan akademik skim perkhidmatan semasa pegawai.
25	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N1 telah dilantik sebagai Penolong Pegawai Tadbir Gred N5 dengan menggunakan kelayakan Peningkatan Secara Lantikan (PSL). Semasa berada di Gred N1, pegawai telah menyambung pengajian Diploma. Adakah layak untuk dibayar HPA?	Tidak layak kerana kelulusan peringkat Diploma merupakan tahap kelayakan akademik yang ditetapkan bagi pelantikan ke Gred N5.
26	Penolong Pegawai Tadbir (PPT) gred N7 lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dipinjamkan di Badan Berkanun Persekutuan selama dua (2) tahun. Adakah pegawai layak dibayar HPA dan dengan agensi manakah pegawai boleh kemukakan tuntutan HPA tersebut?	Layak. Walau bagaimanapun, pegawai yang terlibat dengan peminjaman, penempatan silang, penempatan khas, cuti separuh gaji atau cuti tanpa gaji perlu memohon setelah kembali bertugas kelak.
27	Adakah pegawai yang sedang Cuti Belajar layak memohon HPA?	Layak. Pegawai boleh mengemukakan permohonan bagi kelayakan akademik yang telah diperolehi sebelum pegawai Cuti Belajar kepada Ketua Perkhidmatan masing-masing tertakluk telah memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan.

Bil	Soalan	Jawapan
28	Seorang pegawai telah mengemukakan permohonan HPA pada 3.3.2026 namun didapati meninggal dunia pada 5.3.2026. Adakah pegawai berkenaan masih layak menerima HPA?	Tidak Layak. Pemberian insentif HPA ini adalah bertujuan menghargai usaha pegawai awam untuk meningkatkan kompetensi diri. Maka sekiranya pegawai telah meninggal dunia, waris tidak lagi layak menerima insentif tersebut.
29	Seorang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda semasa dalam perkhidmatan dan telah diberikan Hadiah Kenaikan Gaji (HKG) semasa pelantikan ke gred 9. Adakah pegawai layak menerima HPA?	Tidak Layak menerima HPA untuk kelayakan Ijazah Sarjana Muda berkenaan. Walau bagaimanapun, pegawai masih layak untuk menerima insentif HPA bagi kelayakan Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran tertakluk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Prinsip yang sama turut terpakai bagi pegawai yang telah menerima kemudahan Hadiah Pergerakan Gaji (HPG).
30	Seorang Penolong Penguatkuasa gred KP6 telah memulakan dan menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda pada 29.10.2020. Pada 7.5.2023 pegawai dilantik sebagai Pegawai Penguatkuasa melalui kaedah Peningkatan Secara Lantikan (PSL). Adakah pegawai layak menerima HPA?	Tidak Layak. Pegawai tidak memenuhi syarat HPA iaitu memperoleh kelayakan akademik yang lebih tinggi berbanding syarat kelayakan akademik skim perkhidmatan semasa pegawai.